

25 MAR 1997

DR MAHATHIR BERLEPAS UNTUK LAWATAN RASMI KE JEPUN

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini berlepas untuk lawatan rasmi empat hari ke Jepun bagi menerokai bidang baru kerjasama.

Dr Mahathir diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Turut berada di Lapangan terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang untuk mengucapkan selamat jalan kepada mereka ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, beberapa Menteri dan pegawai kanan kerajaan.

Delegasi sebanyak 50 orang termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik turut serta dalam lawatan Perdana Menteri itu.

Ini merupakan lawatan rasmi kedua Dr Mahathir ke Jepun sejak 1983 walaupun beliau telah beberapa kali mengunjungi Jepun, yang terbaru Januari lepas, untuk mempromosi Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dr Mahathir akan menghadap Maharaja Akihito di Istana Akasaka esok diikuti perbincangan rasmi dengan rakan sejawatannya Ryutaro Hashimoto pada sebelah petang.

Perdana Menteri juga akan melawat Osaka untuk bertemu para usahawan terkemuka Jepun dan ke Fukuoka menyampaikan ucapan pada Dialog Kedua Fukuoka. Beliau akan memberikan tumpuan kepada multimedia.

Dr Mahathir akan berlepas pulang pada Sabtu dari Nagoya selepas menyaksikan penamaan sebuah kapal milik Konsortium Perkapalan oleh Dr Siti Hasmah. -- BERNAMA

ZAB RON